

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.04.2026 MASA: 08.00AM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN RAKAN STRATEGIK SEKOLAH  
HIJAU 2026, MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PELITA  
*UPCYCLE* MALAM TUJUH LIKUR DAN MAJLIS  
PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN  
MENGUMPUL KOTAK MINUMAN SEMPENA TAHUN  
BARU CINA 2026

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**30 APRIL 2026 (KHAMIS)  
2.30 PETANG**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**  
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras  
Program

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Diraikan Pemenang-Pemenang Pertandingan**

**Rakan-Rakan Strategik, Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan  
Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

***Bismillahir Rahmanir Rahim***

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,***

**Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,**

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Pelancaran Rakan Strategik Sekolah Hijau 2026, Majlis Penyampaian Hadiah Pelita *Upcycle* Malam Tujuh Likur Dan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2026** pada petang yang penuh bermakna ini.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **TMK Chemical Berhad, Penang Quarries Association, Wellesly Motor Workshop (Pg) Sdn. Bhd., South Island Garment Sdn. Bhd., Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd., Lion Club of Bukit Mertajam Horizon, Yenher Agro Products Sdn. Bhd., Sun Power Industries Sdn. Bhd.** serta **MSM Prai Berhad** atas kesediaan menjalin kolaborasi strategik bersama MBSP serta menaja sepenuhnya program Rakan Strategik Sekolah Hijau 2026 dengan jumlah tajaan sebanyak **RM37,000.00**.

3. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada para pengetua dan guru besar, guru-guru penyelaras, ibu bapa, para pelajar, warga MBSP serta semua hadirin yang hadir bagi memeriahkan majlis pada petang ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pada hari ini, kita bukan sekadar berkumpul untuk menyampaikan hadiah atau merasmikan sebuah program. Kita sebenarnya sedang menyemai satu **gerakan masa depan**; gerakan yang mengangkat kesedaran, membentuk nilai dan mencorakkan generasi yang lebih bertanggungjawab terhadap bumi yang kita warisi.
5. Program Rakan Strategik Sekolah Hijau 2026 merupakan satu inisiatif kolaboratif antara MBSP, rakan strategik dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang yang selari dengan aspirasi pendidikan negara serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Melalui program ini, sebanyak **37 buah sekolah** telah dipilih untuk menerima dana sokongan bagi memperkukuh usaha kelestarian di peringkat sekolah.
6. Inilah bukti bahawa apabila sektor awam, swasta dan komuniti berganding bahu, kita mampu mencipta perubahan yang bukan sahaja bersifat lokal, tetapi memberi impak global.
7. Saya amat berbangga melihat kreativiti dan komitmen para pelajar melalui Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam Tujuh Likur. Pelita yang dahulunya sekadar simbol cahaya tradisi, kini telah diangkat menjadi

lambang inovasi lestari; dihasilkan daripada bahan terpakai seperti botol plastik dan tin aluminium. Ini bukan sahaja mengurangkan sisa, malah menyuburkan nilai kreativiti, budaya dan kecintaan terhadap alam sekitar.

8. Demikian juga dengan Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman sempena Tahun Baru Cina yang melibatkan **25 buah sekolah**, program ini membuktikan bahawa amalan kitar semula boleh dijadikan budaya, bukan sekadar aktiviti bermusim.
9. Apa yang lebih membanggakan, usaha ini bukan sahaja mendidik, tetapi membentuk *mindset* generasi muda bahawa setiap tindakan kecil; walaupun sekadar mengitar semula sekotak minuman, sebenarnya memberi kesan besar kepada kelestarian dunia.

Hadirin yang dihormati,

10. Kita sering berbicara tentang masa depan. Namun hakikatnya, masa depan itu sedang dibina pada hari ini; di dalam kelas, di halaman sekolah, dan melalui tangan-tangan kecil anak-anak kita yang penuh harapan.
11. Saya ingin menegaskan bahawa MBSP komited untuk terus memperkukuh agenda bandar rendah karbon dan menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang berdayahuni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar. Ini bukan sekadar visi,

tetapi satu tanggungjawab bersama yang perlu kita pikul dengan penuh amanah.

12. Harapan saya, program seperti ini tidak terhenti di sini sahaja. Saya ingin melihat lebih banyak sekolah tampil sebagai **role model Sekolah Hijau**, lebih banyak pelajar menjadi **duta alam sekitar**, dan lebih banyak komuniti yang menjadikan kelestarian sebagai gaya hidup.
13. Kepada para pelajar, ingatlah; anda bukan sekadar peserta pertandingan, tetapi anda adalah **pemimpin masa depan bumi ini**. Apa yang anda lakukan hari ini akan menentukan wajah dunia pada masa hadapan.
14. Kepada rakan strategik, saya berharap kerjasama ini akan terus diperkukuh dan diperluaskan agar lebih banyak inisiatif berimpak tinggi dapat dilaksanakan demi kesejahteraan generasi akan datang.
15. Dan kepada seluruh warga Seberang Perai, marilah kita bersama-sama mengorak langkah, mengubah sikap dan memperkukuh tindakan ke arah membina sebuah bandaraya yang bukan sahaja maju, tetapi juga lestari untuk diwarisi.
16. Sesungguhnya, jika kita ingin melihat dunia yang lebih baik, perubahan itu mesti bermula daripada diri kita sendiri; dan hari ini, perubahan itu telah pun bermula di sini.

17. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Pelancaran Rakan Strategik Sekolah Hijau 2026, Majlis Penyampaian Hadiah Pelita Upcycle Malam Tujuh Likur Dan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2026.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***